

Sukan

SUKAN ASIA INDONESIA 2018

Persisi sasaran matlamat realistik dua pingat emas

- ▶ Kehadiran dua jaguh dunia jadi sandaran
- ▶ Tidak tolak kemungkinan lebih banyak pingat daripada pesilat berpotensi

▶ ISMAIL ALI

ismail@sph.com.sg

SKUAD silat Team Singapore menyasarkan matlamat realistik merebut dua pingat emas dalam penyertaan sulungnya dalam Sukan Asia di Indonesia tahun ini.

Demikian dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Sheik Alau'ddin Yacoob Marican sambil menjelaskan beliau tidak menolak kemungkinan pasukan negara menyumbang lebih banyak pingat dalam kejohanan serantau paling berprestij itu.

Beliau dan pasukan jurulatih negara menetapkan sasaran "realistik" itu berdasarkan kehadiran dua jaguh dunia iaitu Sheik

Farhan Sheik Alau'ddin dan Muhammad Shakir Juanda.

Pesilat elit lain yang dijangka menyumbang pingat dalam temasya itu ialah kapten pasukan Muhammad Nur Alfian Juma'en, pemenang pingat emas Sukan SEA; Nurzuhairah Mohammad Yazid, yang memenangi pingat emas dalam Sukan SEA Kuala Lumpur pada tahun lalu, Nurul Suhaila Mohamed Saiful dan Muhammad Iqbal Abdul Rahman.

Sukan Asia dijadualkan diadakan dari 18 Ogos hingga 2 September di Jakarta dan Palembang.

"Saya meletakkan sasaran realistik dua pingat emas dalam Sukan Asia Indonesia 2018 berdasarkan kemampuan pesilat elit yang bakal kami turunkan.

"Untuk mencapai sasaran ini, kedua juara berganda dunia kami iaitu Sheik Farhan dan Shakir perlu menampilkan persembahan terbaik.

"Saya tidak mahu meletakkan sasaran terlalu tinggi kerana tidak mahu mengenakan tekanan keterlaluan ke atas pesilat negara sendiri, lebih-lebih lagi ini penampilan sulung silat dalam Sukan Asia dan ia diadakan di Indonesia, salah satu negara gergasi silat.

"Namun, saya berharap pesilat negara dapat memberikan yang terbaik dan menyumbang lebih banyak pingat tidak kira apa warnanya," jelas Sheik Alau'ddin, yang mengetuai barisan jurulatih dari dalam dan luar negara untuk membimbing pesilat negara.



SHEIK ALAU'DDIN: Berharap pesilat negara dapat memberikan yang terbaik dan menyumbang lebih banyak pingat tidak kira apa warnanya. – Foto fail

Beliau merancang menyertakan skuad negara dalam 10 kategori acara dengan tuhan rumah Indonesia dibolehkan menyertai kesemua 16 kategori acara.

Skuad silat Team Singapore telah pun memulakan latihan bagi menghadapi Sukan Asia sejak tahun lalu sekembalinya daripada Sukan SEA di Kuala Lumpur.

"Kami telah mula membuat persiapan dan memulakan latihan bagi menghadapi Sukan Asia sejak November lalu.

"Ini kerana satu pertandingan khusus iaitu Test Events akan diadakan bagi menguji kelicinan acara silat dalam Sukan Asia 2018 pada minggu depan," ujar beliau.

Pertandingan itu akan diadakan dari 10 hingga 17 Februari ini di Padepokan TMII, Jakarta.